

Mahathir: Wujudkan suasana sesuai galak pela

Sikap swasta mesti positif

29 JUN 1986

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua usaha yang dirancang oleh kerajaan tidak akan berkesan jika kurang mendapat sambutan positif daripada kalangan swasta.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri sektor swasta juga mesti memainkan tugasnya mewujudkan suasana yang sesuai dan menggalakkan bagi pelabur asing.

"Kerajaan sudah berusaha meningkatkan mutu dan kecekapan perkhidmatannya. Sebenarnya banyak kejayaan yang sudah dicapai di segi perkhidmatan kerajaan ini.

"Malangnya, orang yang bersikap negatif dan berkepentingan, sengaja tidak mahu mengakui peningkatan prestasi khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan. Mereka ini lebih suka mencari kegagalan untuk didedahkan," katanya di majlis makan malam Pertubuhan Jurukur Malaysia, di sini malam ini.

KUALA LUMPUR, Sabtu

Menurut Perdana Menteri, tujuan golongan ini ialah politik tetapi komen mereka yang buruk itu menyebabkan wujudnya rasa kekecewaan di kalangan kakitangan kerajaan.

"Dengan itu, semangat kakitangan kerajaan pudar dan hasrat kerajaan memberi khidmat yang bersih, cekap dan amanah terganggu. Kesannya rakyat dan negara mengalami kerugian.

"Takkanlah kita tidak nampak sedikitpun perubahan ke arah kebaikan dalam perkhidmatan pegawai dan kakitangan kerajaan sekarang," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan

dalam usahanya membangunkan negara dan memberi manfaat kepada rakyat, menyediakan pelbagai galakan bagi menarik minat pelabur asing supaya cenderung menanam modal di negara ini.

Menurutnya, rancangan-rancangan pembangunan Malaysia yang sudah digubal, semuanya bertujuan mencapai hasrat murni itu.

Perdana Menteri berkata, setiap institusi yang mewakili sesuatu profesion, hendaklah sentiasa berwaspada serta bertanggungjawab melindungi dan member-sihkan nama baik profesion yang mereka wakili.

"Sekali sekala timbul gejala kepentingan individu serta tamak, yang menjejaskan nama baik profesion yang mereka wakili. Gejala-gejala ini sudah pasti melanggar etika atau nilai yang dianjurkan oleh semua profesion.

"Profesion yang saya anggotai, iaitu perubatan, juga tidak terkecuali daripada gejala ini," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, keahlian kumpulan atau institusi profesional yang berdaftar, seperti arkitek, jurutera, doktor, akauntan dan jurukur sudah meningkat melebihi 26,000 orang pada 1984.

Jumlah itu, katanya meningkat kira-kira 11 peratus setahun, sejak beberapa tahun lalu dan kerajaan berharap bilangan profesional di negara ini terus meningkat.

Beliau berkata pengkhususan dalam perkhidmatan profesional akan membantu meningkatkan lagi taraf hidup masyarakat Malaysia.

"Di sini kita patut ingat taraf harus disesuaikan dengan kemampuan masyarakat.

"Jika kita cuba mengena-kan taraf masyarakat yang sudah maju ke atas masyarakat sedang membangun, anggota masyarakat itu terpaksa membayar kos yang amat tinggi dan akhirnya mereka tidak mendapat apa-apa manfaat," ujarnya.